

TERHAD



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020

PERNIAGAAN

PROJEK

Kertas 3

April – Jun 2020

3766/3

-
1. *Kertas ini mengandungi **satu** tugas projek.*
 2. *Calon wajib melaksanakan tugas projek tersebut secara individu.*
 3. *Calon hendaklah menyempurnakan tugas projek ini dengan merujuk kepada elemen, aspek dan kriteria yang telah ditetapkan.*
 4. *Tugas projek ini hendaklah dilaksanakan oleh calon SPM dari bulan **April** hingga bulan **Jun 2020**.*
 5. *Calon dikehendaki mematuhi Jadual Pelaksanaan Tugasan Projek yang disediakan untuk memastikan tugas projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.*
 6. *Calon dinasihatkan membuat perancangan yang teliti dan melaksanakan tugas projek dengan menggunakan perbelanjaan yang berpatutan dan munasabah.*

Kertas ini mengandungi 4 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

TUGASAN PROJEK

- 1.0 Iklan berikut menunjukkan satu trend perniagaan baharu. Berdasarkan iklan tersebut, anda dikehendaki merancang untuk menjalankan perniagaan secara milikan tunggal.



The advertisement features a pink food truck with a blue canopy. The side of the truck has "SALISHA ENTERPRISE" and "NISTAMBENG BAKI PUNYA" written on it. A sign in front of the truck reads "TRAK MAKANAN". To the right of the truck, the text "Ingin menambah pendapatan?" is displayed above the heading "Mudah Niaga melalui Trak Makanan". Below this, a section titled "Pembentangan Modal:" lists several financing options:

Pembentangan Modal:

- Skim Pembentangan Peningkatan Perniagaan (SPiM) MARA
- Dana Usahawan Muda (SME Bank)
- Skim Pembentangan TEKUN Niaga
- Skim *Credit Guarantee Corporation* (CGC) Public Bank

Harga Trak Makanan:
RM65 000 - RM80 000

- 2.0 Anda dikehendaki menyediakan satu Rancangan Perniagaan yang lengkap bagi satu jenis makanan yang dipilih. Perniagaan anda hendaklah beroperasi menggunakan trak makanan. Rancangan Perniagaan ini akan dikemukakan kepada institusi kewangan atau agensi kerajaan yang dipilih untuk mendapatkan pembentangan. Anda boleh juga mendapatkan pembentangan daripada sumber lain.
- 3.0 Penubuhan perniagaan ini mestilah mengikut prosedur pendaftaran dan pelesenan pihak berkuasa berkaitan.
- 4.0 Modal perniagaan adalah antara RM50 000 hingga RM200 000.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

5.0 Tenaga pekerja:

- 5.1 Warganegara Malaysia.
- 5.2 Terdiri daripada ahli keluarga, rakan atau masyarakat setempat.
- 5.3 Bilangan pekerja dan gaji minimum bagi seorang pekerja adalah seperti berikut:

Pekerja	Bilangan Pekerja	Gaji Minimum (RM)
Pengurusan	1	2 500
Pekerja Operasi	3	1 200

- 5.4 Pekerja adalah tertakluk kepada pembayaran KWSP dan PERKESO.

6.0 Utiliti perniagaan:

- 6.1 Anda dan pekerja operasi perlu mengikuti Kursus Pengendalian Makanan dan mendapatkan suntikan Typhoid.
- 6.2 Pemandu trak dikehendaki mengambil lesen GDL (Lesen Membawa Kenderaan Barang).
- 6.3 Pembelian kelengkapan dan perkakasan memasak dianggarkan RM5 000 bergantung pada jenis perniagaan.
- 6.4 Kos pengubahsuaian trak makanan sebanyak RM15 000.
- 6.5 Pembelian papan menu atau bunting RM300.
- 6.6 Kos pelekat pada trak makanan bergantung kepada jenis perniagaan.
- 6.7 Anda perlu memperuntukkan kos penyelenggaraan trak makanan setiap bulan.
- 6.8 Bayaran lesen niaga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bergantung kepada kawasan perniagaan.
- 6.9 Aset bukan semasa perlu disusutnilaikan atas harga kos pada kadar 5 % setahun.

7.0 Trend persekitaran semasa dalam perniagaan adalah seperti berikut:

- 7.1 Kementerian Pembangunan Usahawan menggalakkan para belia menyertai bidang perniagaan dan keusahawanan.
- 7.2 Program Latihan dan Pembangunan Usahawan
 - 7.2.1 Program Khidmat Nasihat Majlis Amanah Rakyat (MARA)
 - 7.2.2 Kursus Pemantapan Usahawan Food Truck Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
 - 7.2.3 Kursus Pembangunan Usahawan dan Latihan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
 - 7.2.4 Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) Kementerian Pembangunan Luar Bandar
 - 7.2.5 Program Insken Business Coaching (IBC) & Business Enhancement(BEP) Kementerian Pembangunan Usahawan

[Lihat halaman sebelah

- 8.0 Format Rancangan Perniagaan yang dikemukakan hendaklah mempunyai unsur berikut:
- 8.1 Pengenalan
 - 8.2 Latar Belakang
 - (i) Perniagaan
 - (ii) Pemilik
 - 8.3 Ringkasan Eksekutif
 - 8.4 Rancangan Pentadbiran / Organisasi
 - 8.5 Rancangan Operasi
 - 8.6 Rancangan Pemasaran
 - 8.7 Rancangan Kewangan
 - 8.8 Penutup
 - 8.9 Lampiran (Dokumen Sokongan)
- 9.0 Anda mestilah mempersempahkan konsep, kreativiti dan idea produk dalam bentuk pembentangan projek dan interaksi sepanjang pelaksanaan tugas projek.
- 10.0 Idea perniagaan yang dipersembahkan mestilah menjurus kepada penjenamaan produk Malaysia. Anda digalakkan untuk mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber.
- 11.0 Rancangan Perniagaan ini hendaklah mengandungi unsur berikut:
- 11.1 Fon : *Arial / Times New Roman*
 - 11.2 Saiz fon : 12 pt.
 - 11.3 Saiz fon bagi tajuk besar atau kecil bergantung kepada kesesuaian
 - 11.4 Saiz kertas : A4
- 12.0 Rancangan Perniagaan yang lengkap mesti dikemukakan oleh calon secara individu. Anda juga dikehendaki mengemukakan evidens proses kerja.
- 13.0 Draf tulisan tangan dalam bentuk lakaran, lukisan, gambar rajah atau tulisan mestilah jelas.
- 14.0 Penggunaan kertas warna dibenarkan.
- 15.0 Gambar atau ilustrasi tambahan hendaklah dilekatkan dengan kemas supaya tidak tercincir.

TUGASAN TAMAT